

MAKLUMAT PROGRAM SCIENCE@ALOR SETAR

Pengenalan

Program Science@Alor Setar merupakan Program Ijazah Sarjana Muda Sains yang ditawarkan secara pesisir oleh Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia (USM). Program ini disasarkan kepada pelajar yang mempunyai kelayakan lepasan STPM, matrikulasi dan diploma atau setara serta memenuhi syarat-syarat kemasukan RPJJ USM.

Program Sains Yang Ditawarkan

Hanya dua program Sains sahaja ditawarkan iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi pada Sidang Akademik 2017/2018.

Lokasi Program

Buat masa ini, program ini dijalankan di Kampus Induk USM Pulau Pinang sehinggalah lokasi sebenar siap dan dapat digunakan.

Sistem Pengajaran dan Pembelajaran

Pelajar perlu mengikuti kurikulum yang sedia ada dan memerlukan 122 unit untuk pengijazahan. Program ini merupakan program teradun menggabungkan penuh masa dan jarak jauh berbeza dengan program PJJ yang sedia ada. Pelajar Program Science@Alor Setar perlu mengikut kelas pada hari biasa dan juga mengikut Sidang Video & Webex PJJ pada setiap hari Sabtu. Kelas dijalankan di dewan kuliah USM. Sistem pengajian program ini adalah berdasarkan sidang akademik bukannya semester.

Program Science@Alor Setar akan menjadi nukleus untuk penubuhan sebuah institusi pengajian tinggi yang menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat dalam bidang sains secara pembelajaran teradun (*blended learning*) iaitu gabungan kelas bertatap-muka, sidang video, sidang web dan e-pembelajaran.

Yuran Pengajian

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi -
- **RM 205.00 per unit**
(contoh kiraan: RM205.00 x jumlah unit yang didaftar pada sidang akademik tersebut).
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Matematik) -
- **RM192.00 per unit**
(contoh kiraan: RM192.00 x jumlah unit yang didaftar pada sidang akademik tersebut).

Tempoh Pengajian

Tempoh pengajian untuk Program Science@Alor Setar ialah **5 tahun**.

Penganugerahan Ijazah

Pelajar yang memenuhi syarat pengijazahan akan dianugerahkan ijazah semasa konvokesyen USM. Ijazah yang akan diperolehi oleh pelajar Program Science@Alor Setar adalah ijazah USM yang sama dengan ijazah yang diperolehi oleh pelajar program sains RPJJ dan pelajar penuh masa USM.